



PARLIMEN MALAYSIA

A large, semi-transparent image of the Parliament Building in Kuala Lumpur serves as the background for the lower half of the cover. The building is a tall, modern structure with a grid-like facade. A large, faint watermark of the Parliament of Malaysia logo is overlaid on the building.

RANG UNDANG-UNDANG
Kanun Keseksaan (Pindaan) 1989
DR.5/1989

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan
(N.M.B. Bab 45).

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 1989. Tajuk ringkas.
2. Seksyen 91 Kanun Keseksaan, yang disebut “Kanun” dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “unless caused in good faith for the purposes of saving the life of the woman” dalam misalannya dengan perkataan-perkataan “except in cases excepted under section 312”. Pindaan seksyen 91.
N.M.B.
Bab 45.
3. Seksyen 292 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “three months” dengan perkataan-perkataan “three years”. Pindaan seksyen 292.
4. Seksyen 293 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “six months” dengan perkataan-perkataan “five years”. Pindaan seksyen 293.

Pindaan
seksyen 312.

5. Seksyen 312 Kanun adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan “, if such miscarriage be not caused in good faith for the purpose of saving the life of the woman,”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas sahaja huraianya, kekecualian yang berikut:

Act 50.

“*Exception*—This section does not extend to a medical practitioner registered under the Medical Act 1971 who terminates the pregnancy of a woman if such medical practitioner is of the opinion, formed in good faith, that the continuance of the pregnancy would involve risk to the life of the pregnant woman, or injury to the mental or physical health of the pregnant woman, greater than if the pregnancy were terminated.”.

Pindaan
seksyen 354.

6. Seksyen 354 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “two years” dengan perkataan-perkataan “ten years”.

Pindaan
seksyen 375.

7. Kanun adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 375 dengan seksyen 375 baru yang berikut:

“Rape.

375. A man is said to commit “rape” who, except in the case hereinafter excepted, has sexual intercourse with a woman under circumstances falling under any of the following descriptions:

First—Against her will.

Secondly—Without her consent.

Thirdly—With her consent, when her consent has been obtained by putting her in fear of death or hurt to herself or any other person, or obtained under a misconception of fact and the man knows

or has reason to believe that the consent was given in consequence of such misconception.

Fourthly—With her consent, when the man knows that he is not her husband, and her consent is given because she believes that he is another man to whom she is or believes herself to be lawfully married or to whom she would consent.

Fifthly—With her consent, when, at the time of giving such consent, she is unable to understand the nature and consequences of that to which she gives consent.

Sixthly—With or without her consent, when she is under sixteen years of age.

Explanation—Penetration is sufficient to constitute the sexual intercourse necessary to the offence of rape.

Exception—Sexual intercourse by a man with his own wife by a marriage which is valid under any written law for the time being in force, or is recognised in the Federation as valid, is not rape.

Explanation 1—A woman—

- (a) living separately from her husband under a decree of judicial separation or a decree nisi not made absolute; or
- (b) who has obtained an injunction restraining her husband from having sexual intercourse with her,

shall be deemed not to be his wife for the purposes of this section.

Explanation 2—A Muslim woman living separately from her husband during the period of iddah, which shall be calculated in accordance with Hukum Syara', shall be deemed not to be his wife for the purposes of this section."

Pindaan
seksyen
376.

8. Kanun adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 376 dengan seksyen 376 baru yang berikut:

"Punish-
ment for
rape.

376. Whoever commits rape shall be punished with imprisonment for a term of not less than five years and not more than twenty years, and shall also be liable to whipping."

Seskyen
377, 377A,
377B dan
377c baru.

9. Kanun adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 377 dengan seksyen 377, 377A, 377B dan 377c baru yang berikut:

"Buggery
with an
animal.

377. Whoever voluntarily has carnal intercourse with an animal shall be punished with imprisonment for a term which may extend to twenty years, and shall also be liable to fine or to whipping.

Explanation—Penetration is sufficient to constitute the carnal intercourse necessary to the offence described in this section.

Carnal
intercourse
against
the order
of nature.

377A. Any person who has sexual connection with another person by the introduction of the penis into the anus or mouth of the other person is said to commit carnal intercourse against the order of nature.

Explanation—Penetration is sufficient to constitute the sexual connection necessary to the offence described in this section.

Punishment
for
committing
carnal
intercourse
against the
order of
nature.

377B. Whoever voluntarily commits carnal intercourse against the order of nature shall be punished with imprisonment for a term which may extend to twenty years, and shall also be liable to whipping.

Committing
carnal
intercourse
against the
order of
nature
without
consent,
etc.

377c. Whoever voluntarily commits carnal intercourse against the order of nature on another person without the consent, or against the will, of the other person, or by putting the other person in fear of death or hurt to the person or any other person, shall be punished with imprisonment for a term of

not less than five years and not more than twenty years, and shall also be liable to whipping.”.

10. Seksyen 377A Kanun adalah dipinda—

Pindaan
seksyen
377A.

- (a) dengan menomborkan semula seksyen itu sebagai seksyen 377D; dan
- (b) dengan memotong perkataan “male” di mana-mana jua terdapat di dalamnya.

11. Kanun adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 377D yang dinomborkan semula itu, seksyen baru 377E yang berikut:

Seksyen
baru 377E.

“Inciting
a child to
an act of
gross
indecency.

377E. Any person who incites a child under the age of fourteen years to any act of gross indecency with him or another person shall be punished with imprisonment for a term which may extend to five years, and shall also be liable to whipping.”.

12. Kanun adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 379 dengan seksyen 379 dan 379A baru yang berikut:

Seksyen
379 dan
379A baru.

“Punish-
ment for
theft.

379. Whoever commits theft shall be punished with imprisonment for a term which may extend to seven years, or with fine, or with both, and for a second or subsequent offence shall be punished with imprisonment and shall also be liable to fine or to whipping.

Punishment
for theft
of a motor
vehicle.

379A. (1) Whoever commits theft of a motor vehicle or any component part of a motor vehicle shall be punished with imprisonment for a term of not less than one year and not more than seven years, and shall also be liable to fine.

(2) In this section—

“component part”, in relation to a motor vehicle, includes any tyre, accessory or equipment;

“motor vehicle” means a mechanically propelled vehicle intended or adapted for use on roads, and includes a trailer drawn by a motor vehicle.”.

- Pindaan seksyen 380. **13.** Seksyen 380 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “seven” dengan perkataan “ten”.
- Pindaan seksyen 384. **14.** Seksyen 384 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “three” dengan perkataan “ten”.
- Pindaan seksyen 385. **15.** Seksyen 385 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “two years” dengan perkataan-perkataan “seven years”.
- Pindaan seksyen 386. **16.** Seksyen 386 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “ten” dengan perkataan “fourteen”.
- Pindaan seksyen 387. **17.** Seksyen 387 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “seven” dengan perkataan “ten”.
- Pindaan seksyen 388. **18.** Seksyen 388 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “section 377” dengan perkataan-perkataan “sections 377, 377B and 377C”.
- Pindaan seksyen 389. **19.** Seksyen 389 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “section 377” dengan perkataan-perkataan “sections 377, 377B and 377C”.
- Pindaan seksyen 406. **20.** Seksyen 406 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “three” dengan perkataan “ten”.

21. Seksyen 407 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “seven” dengan perkataan “ten”. Pindaan seksyen 407.
22. Seksyen 408 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “seven” dengan perkataan “ten”. Pindaan seksyen 408.
23. Seksyen 411 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “three” dengan perkataan “five”, dan memasukkan selepas perkataan “both” perkataan-perkataan “; and if the stolen property is a motor vehicle or any component part of a motor vehicle as defined in section 379A, shall be punished with imprisonment for a term of not less than six months and not more than five years, and shall also be liable to fine”. Pindaan seksyen 411.
24. Seksyen 414 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “three” dengan perkataan “seven”, dan memasukkan selepas perkataan “both” perkataan-perkataan “; and if the stolen property is a motor vehicle or any component part of a motor vehicle as defined in section 379A, shall be punished with imprisonment for a term of not less than six months and not more than seven years, and shall also be liable to fine”. Pindaan seksyen 414.
25. Seksyen 417 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “one year” dengan perkataan-perkataan “five years”. Pindaan seksyen 417.
26. Seksyen 418 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “three” dengan perkataan “seven”. Pindaan seksyen 418.
27. Seksyen 419 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “three” dengan perkataan “seven”. Pindaan seksyen 419.
28. Seksyen 420 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “seven” dengan perkataan “ten”. Pindaan seksyen 420.

- Pindaan seksyen 421. **29.** Seksyen 421 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “two” dengan perkataan “five”.
- Pindaan seksyen 422. **30.** Seksyen 422 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “two” dengan perkataan “five”.
- Pindaan seksyen 423. **31.** Seksyen 423 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “two” dengan perkataan “five”.
- Pindaan seksyen 424. **32.** Seksyen 424 Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “two” dengan perkataan “five”.
- Pindaan seksyen 509. **33.** Seksyen 509 Kanun adalah dipinda—
(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “one year” dengan perkataan-perkataan “five years”; dan
(b) dengan menggantikan perkataan “woman” dalam nota birainya dan di mana-mana jua terdapat di dalamnya dengan perkataan “person”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Kanun Keseksaan (N.M.B. Bab 45).

1. *Fasal 3* dan *4* bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi jualan buku-buku lucah, dsb. di bawah seksyen 292 dan bagi jualan benda-benda lucah, dsb. kepada orang muda di bawah seksyen 293 Kanun masing-masingnya daripada tiga bulan kepada tiga tahun dan daripada enam bulan kepada lima tahun.
2. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 312 Kanun untuk memperluaskan kekecualian yang seseorang pengamal perubatan berdaftar boleh menamatkan suatu kehamilan. Dengan pindaan ini seseorang pengamal perubatan berdaftar boleh menamatkan suatu kehamilan bukan hanya bagi maksud menyelamatkan nyawa tetapi juga dalam hal-hal di mana penerusan kehamilan itu akan

melibatkan kecederaan kepada kesihatan fizikal atau mental perempuan yang hamil itu, yang lebih daripada jika kehamilan itu ditamatkan.

3. *Fasal 6* bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi kesalahan menggunakan kekerasan jenayah untuk mencabul kehormatan di bawah seksyen 354 Kanun daripada dua tahun kepada sepuluh tahun.

4. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 375 Kanun untuk membuat beberapa perubahan substansial kepada takrif rogol dalam seksyen itu. Fasal ketiga seksyen itu diperluaskan untuk meliputi keadaan di mana izin kepada persetubuhan didapati melalui suatu salah tanggapan fakta, atau dengan meletakkan perempuan itu dalam ketakutan mati atau cedera bukan hanya kepada dirinya sendiri tetapi juga kepada mana-mana orang lain. Fasal baru kelima bertujuan mengadakan peruntukan bahawa izin seorang perempuan kepada persetubuhan bukanlah suatu izin sah jika pada masa memberi keizinan itu dia tidak boleh memahami jenis dan akibat mengenai apa yang dia memberi izin. Had umur rogol statutori di bawah fasal kelima yang sedia ada dinaikkan daripada tiga belas tahun kepada enam belas tahun di bawah fasal baru keenam. Seksyen 375 baru ini juga mengandungi dua huraian bagi memperuntukkan keadaan-keadaan di mana seseorang perempuan hendaklah disifatkan sebagai bukan isteri suaminya bagi maksud seksyen tersebut.

5. *Fasal 8* bertujuan menaikkan penalti bagi kesalahan rogol di bawah seksyen 376 Kanun dengan memperuntukkan hukuman minimum pemenjaraan selama lima tahun.

6. *Fasal 9* bertujuan mengganti seksyen 377 Kanun dengan seksyen 377, 377A, 377B dan 377C baru. Seksyen 377 yang sedia ada mengadakan peruntukan bagi dua kategori kesalahan-kesalahan luar tabii, iaitu persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii dengan seseorang dan persetubuhan dengan binatang. Dengan pindaan yang dicadangkan ini kedua-dua kesalahan ini diperuntukkan di bawah seksyen-seksyen yang berasingan bagi membolehkan peruntukan penalti yang berlainan bagi tiap-tiap kesalahan itu. Kesalahan persetubuhan dengan binatang diperuntukkan di bawah seksyen 377 baru manakala seksyen 377A, 377B dan 377C baru memperuntukkan takrif dan penalti bagi kesalahan-kesalahan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii dengan seseorang.

7. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 377A yang sedia ada bagi memperluaskan pemakaian seksyen itu kepada lelaki dan perempuan kedua-duanya.

8. *Fasal 11* bertujuan memasukkan seksyen baru 377E ke dalam Kanun bagi memperuntukkan kesalahan baru tentang merangsang seorang kanak-kanak untuk melakukan suatu perbuatan kelucahan melampau, yang membawa hukuman penjara maksimum lima tahun.
9. *Fasal 12* dan *13* bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi semua kategori pencurian. Hukuman bagi pencurian di bawah seksyen 379 adalah dinaikkan daripada tiga tahun kepada tujuh tahun, dan hukuman bagi pencurian di dalam rumah kediaman di bawah seksyen 380 adalah dinaikkan daripada tujuh tahun kepada sepuluh tahun. *Fasal 12* juga bertujuan memasukkan seksyen baru 379A ke dalam Kanun bagi memperuntukkan hukuman minimum pemenjaraan selama satu tahun bagi pencurian kenderaan motor.
10. *Fasal 14* hingga *17* bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi berbagai kategori pemerasan di bawah seksyen 384 hingga 387 Kanun masing-masingnya. Hukuman-hukuman bagi pemerasan di bawah seksyen 384, dan bagi pemerasan dengan meletakkan orang dalam ketakutan mati di bawah seksyen 386 adalah masing-masingnya dinaikkan daripada tiga tahun kepada sepuluh tahun dan daripada sepuluh tahun kepada empat belas tahun, manakala hukuman bagi meletakkan orang dalam ketakutan kecederaan di bawah seksyen 385 dan ketakutan mati di bawah seksyen 387, untuk melakukan pemerasan, adalah masing-masingnya dinaikkan daripada dua tahun kepada tujuh tahun dan daripada tujuh tahun kepada sepuluh tahun.
11. *Fasal 20* hingga *22* bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi berbagai kategori pecah amanah jenayah di bawah seksyen 406 hingga 408 masing-masingnya. Hukuman bagi pecah amanah jenayah di bawah seksyen 406 adalah dinaikkan daripada tiga tahun kepada sepuluh tahun, dan hukuman bagi pecah amanah jenayah oleh pembawa dan oleh kerani atau pengkhidmat di bawah seksyen 407 dan 408 adalah kedua-duanya dinaikkan daripada tujuh tahun kepada sepuluh tahun.
12. *Fasal 23* dan *24* bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi menyimpan harta curi di bawah seksyen 411 dan bagi membantu dalam penyembunyian harta curi di bawah seksyen 414 masing-masingnya daripada tiga tahun kepada lima tahun dan daripada tiga tahun kepada tujuh tahun. Pindaan yang dicadangkan bagi seksyen 411 dan 414 juga memperuntukkan hukuman minimum pemenjaraan selama enam bulan bagi pencurian kenderaan motor.
13. *Fasal 25* hingga *28* bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi berbagai kategori penipuan di bawah seksyen 417 hingga 420 masing-masingnya. Hukuman di bawah seksyen 417

adalah dinaikkan daripada satu tahun kepada lima tahun dan bagi kesalahan-kesalahan menipu untuk menyebabkan kerugian salah kepada seseorang yang kepentingannya dilindungi oleh pesalah, di bawah seksyen 418 dan menipu dengan jalan samaran di bawah seksyen 419 kenaikannya adalah daripada tiga tahun kepada tujuh tahun. Hukuman bagi menipu untuk mendorong penyerahmilikan harta di bawah seksyen 420 adalah dinaikkan daripada tujuh tahun kepada sepuluh tahun.

14. *Fasal 29 hingga 32* bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum bagi berbagai kesalahan yang berhubungan dengan suratikatan fraud dan pelupusan harta secara fraud di bawah seksyen 421 hingga 424 daripada dua tahun kepada lima tahun.

15. *Fasal 33* bertujuan meminda seksyen 509 Kanun untuk memperluaskan pemakaiannya kepada lelaki dan perempuan kedua-duanya. Pindaan ini juga bertujuan menaikkan hukuman penjara maksimum di bawah seksyen itu daripada satu tahun kepada lima tahun.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [(U²) 1539.]